

13/02/2001

Kementerian baru martabatkan wanita

Hasron Nazri Hashim

PENUBUHAN Kementerian Hal Ehwal Wanita rentetan daripada percaturan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, terhadap rombakan Kabinet bulan lalu dilihat ramai sebagai langkah terbaik dalam usaha memartabatkan wanita.

Penubuhan kementerian itu sememangnya ditunggu-tunggu memandangkan dewasa ini hal-hal berkaitan wanita sering mendapat publisiti meluas di kalangan masyarakat.

Permasalahan kaum wanita sememangnya meluas dan agak sukar untuk mencari titik noktahnya.

Masalah ibu tunggal, perceraian, gangguan seksual, kerjaya dan 1,001 masalah lain seolah-olah sinonim dengan mereka.

Secara tidak langsung, masalah seperti ini boleh menjatuhkan martabat wanita dan seterusnya merendahkan mereka di mata masyarakat.

Masalah yang dihadapi kaum wanita sebenarnya sudah lama timbul dan sampai masanya kini ia ditangani dengan adil dan bijaksana.

Peranan wanita dalam masyarakat dan seterusnya membantu meletakkan negara di tahap pembangunan maksimum memang tidak dapat dipertikaikan.

Penyertaan wanita dalam bidang ekonomi, politik dan sosial sudah semakin menampakkan taring dan menyerlahkan keberkesanannya.

Wanita sudah mempelopori pelbagai tugas yang dulunya dimonopoli oleh lelaki. Wanita kini turut sama membantu membasmi kemiskinan, meningkatkan taraf kesihatan masyarakat dan pastinya usaha menyediakan sebuah institusi keluarga yang kukuh dan cemerlang.

Fenomena pertambahan peranan wanita dalam masyarakat tidak dapat disanglah lagi seperti mana kesimpulan yang dibuat oleh seorang ahli sosiologi Sweden, Gustar Geiger: "Kedudukan wanita dalam satu-satu masyarakat dapat dijadikan alat pengukur yang paling tepat mengenai pembangunan sesebuah masyarakat.

Jelasnya wanita menjadi komponen penting dalam masyarakat dan seterusnya pembangunan masyarakat berkenaan. Menganggap wanita hanya sebagai penyeri ruang dapur dan alat diskriminasi kemanusiaan sudah tidak praktikal lagi.

Jika dinilai dari aspek sejarah, usaha memartabatkan wanita di negara ini sudah bermula dengan kesedaran mewujudkan Dasar Wanita Negara, penubuhan Majlis Penasihat Kebangsaan Bagi Penyatuan Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), Urusetia Hal Ehwal Wanita (Hawa) pada 1983 dan beberapa badan lain yang dilahirkan kebelakangan ini.

Namun, penubuhan Kementerian Hal Ehwal Wanita dirasakan lebih telus memandangkan suara wanita dapat sampai kepada Kabinet secara terus tanpa ditapis oleh suara-suara sumbang dan remeh-temah.

Kewujudan Kementerian Hal Ehwal Wanita seharusnya dijadikan landasan untuk menyelesaikan isu yang membabitkan wanita secara global.

Kurang wajar seandainya peluang yang seluas ini digunakan semata-mata tertumpu kepada permasalahan ibu tunggal, perceraian, gangguan seksual dan kerjaya sambil pada masa yang sama mengetepikan usaha pembinaan generasi wanita di akar umbi.

Generasi yang dimaksudkan adalah remaja wanita yang masih tercari-cari identiti diri.

Pembabitan remaja wanita dalam permasalahan moral, khususnya gejala sosial, memang tidak dapat disangkal.

Pembabitan mereka secara tanpa sedar akan membatasi dan mengurangkan keyakinan masyarakat keseluruhan terhadap golongan berkenaan dalam

merencana kehidupan sendiri dan membantu proses pembangunan negara.

Akibat daripadanya, wanita tidak lagi diletakkan di tempat yang sewajarnya dan ini akan melemahkan lagi kredibiliti mereka.

Permasalahan seperti pelacuran, pergaulan bebas, bohsia, penagihan dadah dan penggunaan pil ecstasy yang berterusan di kalangan remaja wanita akan menjerumuskan mereka ke dalam penderitaan, kehinaan dan kemusnahan.

Implikasi yang paling jelas adalah kepada diri dan keluarga manakala secara tidak langsung kepada agama, bangsa dan negara.

Natijah ini adalah pasti memandangkan permasalahan tadi amat bertentangan dengan agama dan nilai hidup manusia normal.

Sesuai dengan peredaran zaman, peranan wanita harus turut sama berubah. Wanita tidak harus digambarkan sebagai kaum yang membawa malapetaka dan simbol seks sebagaimana yang dicitrakan pada zaman jahiliah dan zaman permulaan peradaban tamadun manusia moden.

Wanita zaman kekinian perlu ditampil, diketengah dan direalisasikan segala kelebihan dan keistimewaan supaya mereka dapat bersama-sama membina kekuatan tamadun manusia sejagat.

Apapun, wanita tidak wajar melebihi kaum lelaki seperti mana yang dianjurkan oleh Islam.

Sebagai contoh, mengambil alih tanggungjawab sebagai ketua keluarga yang dipikul oleh kaum lelaki dan perkara-perkara lain yang termaktub di dalam hukum-hakam agama.

Penganjuran ini adalah suatu hakikat dan sudah semestinya ada terselit pengertian di sebalik ketetapan berkenaan.

Apapun, wanita adalah pelahir zuriat pewaris bangsa, isteri pembentuk keluarga bahagia, penjana kemajuan, sumber inspirasi, ketenangan dan kebahagiaan hidup.

Usah padamkan keistimewaan ini dengan apa jua bentuk keegoaan dan ketidakadilan yang sengaja digembar-gembur tanpa sebarang fakta yang kukuh.

Andai wujud sekalipun, ia harus diselesaikan dengan semangat kekeluargaan dan memberi peluang kepada mereka untuk membela diri.

Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Wanita perlu menjadi ejen dan ibu kepada rempah-ratus untuk mencari formula demi meletak dan memartabatkan wanita pada tahap yang sepatutnya.